

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI LUNAS

(Versi: Ogos 2025)

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") dikeluarkan oleh LUNAS untuk memaklumkan kepada para pelanggan, pembekal, rakan perniagaan, kontraktor, pemohon pekerjaan, penyedia perkhidmatan, dan pekerja kami mengenai cara kami mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan melindungi data peribadi anda, selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) ("Akta")**.

2. Terma & Definisi

TERMA	DEFINISI
LUNAS	Merujuk kepada Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd., LUNAS Shiprepair Sdn. Bhd., LUNAS Langkawi Shipyard Sdn. Bhd. dan LUNAS Yachts Sdn. Bhd.
Data Peribadi	Segala maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang individu yang boleh dikenal pasti dan diproses atau bertujuan untuk diproses sebagai sebahagian daripada transaksi komersial. Ini termasuk Data Peribadi Sensitif serta sebarang pandangan atau pendapat mengenai individu tersebut, tetapi tidak termasuk data yang diproses semata-mata bagi tujuan pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
Pemprosesan	Merujuk kepada sebarang operasi atau siri operasi yang dilakukan ke atas Data Peribadi, sama ada secara automatik atau sebaliknya. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumpulan, perekodan, pengorganisasian, penstrukturan, penyimpanan, penyesuaian, pengubahan, pengambilan semula, rujukan, penggunaan, pendedahan melalui penghantaran, penyebaran atau penyediaan dengan apa cara sekalipun, penyelarasan, penggabungan, sekatan, pemadaman, atau pemusnahan Data Peribadi.
Pengawal Data	Individu atau organisasi yang menentukan tujuan dan cara pemprosesan Data Peribadi.
Subjek Data	Individu yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut.
Pemproses Data	Entiti yang memproses Data Peribadi bagi pihak Pengawal Data, tetapi tidak memprosesnya untuk tujuan mereka sendiri.
Pegawai Perlindungan Data	Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat atau mana-mana kakitangan lain yang dilantik oleh LUNAS yang diberi tanggungjawab memastikan pematuhan LUNAS terhadap Akta.
Pemindahan Data Merentas Sempadan	Pemindahan Data Peribadi ke/dari mana-mana negara di luar Malaysia.
Data Peribadi Sensitif	Segala Data Peribadi yang berkaitan dengan maklumat peribadi mengenai kesihatan fizikal atau mental seseorang individu, data biometrik, pandangan politik, kepercayaan agama, rekod jenayah, atau kategori lain yang ditetapkan oleh undang-undang.

3. Pengumpulan Data Peribadi

- a) Dalam urusan anda dengan LUNAS, kami mungkin mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda. Ini boleh berlaku apabila anda menghubungi kami, berinteraksi dengan kami, menggunakan perkhidmatan kami, membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada kami, memohon pekerjaan, atau melaksanakan kerja dengan atau bagi pihak kami. Kami hanya mengumpul maklumat yang diperlukan untuk mengurus operasi perniagaan kami dan memenuhi kewajipan kontrak serta undang-undang kami kepada anda.
- b) Semua Data Peribadi akan diproses mengikut prinsip yang digariskan dalam Akta, termasuk prinsip notis dan pilihan, pendedahan, keselamatan, penyimpanan, akses, serta integriti data. Dengan mengakses atau menggunakan laman web kami, platform digital dan media sosial kami, mendapatkan perkhidmatan kami, atau memasuki hubungan perniagaan atau pekerjaan dengan kami, anda mengakui dan memberikan persetujuan terhadap pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, dan penyimpanan Data peribadi anda bagi tujuan dan cara yang dihuraikan dalam Notis ini.
- c) **Data Peribadi** yang dikumpul termasuk (tetapi tidak terhad kepada):
 - Nama, nombor pengenalan, nombor pasport
 - Maklumat perhubungan (alamat, emel, nombor telefon)
 - Bangsa, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, kepercayaan agama
 - Sejarah pekerjaan, butiran pendidikan
 - Maklumat kewangan (akaun bank, nombor KWSP dan PERKESO)
 - Maklumat kesihatan, keselamatan, serta butiran hubungan kecemasan (jika berkaitan)
 - Segala maklumat lain yang berkaitan dengan urusan anda dengan kami

4. Tujuan Kami Mengumpul Data Peribadi Anda

- a) Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan yang berkaitan secara langsung dengan operasi perniagaan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan, kontrak, dan transaksi komersial;
 - Komunikasi berhubung operasi, perkhidmatan, peluang pekerjaan atau urusan perniagaan;
 - Memproses transaksi pembayaran anda;
 - Memproses pendaftaran pembekal, permohonan vendor dan dokumentasi berkaitan;

- Menjamin keselamatan, kawalan akses dan perlindungan di premis, kemudahan, dan tapak projek kami;
 - Mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan statutori yang berkenaan;
 - Menjalankan kajian pasaran dan analisis trend;
 - Menjalankan audit, siasatan atau penilaian risiko;
 - Memaklumkan anda mengenai perkara operasi penting, perubahan dasar, keperluan pematuhan, atau maklumat lain yang berkaitan dengan hubungan perniagaan kami.
- b) Kami hanya akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan yang sah dan selaras dengan prinsip yang digariskan dalam Akta.

5. Cara Kami Mengumpul Data Anda

Kami mungkin mengumpul Data Peribadi anda melalui pelbagai cara termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Borang permohonan, kontrak, perjanjian, tender, dan dokumen lain yang dikemukakan kepada kami;
- b) Komunikasi melalui emel, panggilan telefon, surat menyurat atau saluran lain;
- c) Interaksi melalui laman web kami, platform digital atau media sosial, atau di sebarang acara/aktiviti;
- d) Kad perniagaan atau maklumat perhubungan yang anda berikan kepada pekerja kami;
- e) Rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di premis, kemudahan dan tapak projek kami;
- f) Rujukan pihak ketiga atau semakan latar belakang seperti agensi pelaporan kredit (tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu).

6. Akibat Jika Tidak Memberikan Data Anda

Pemberian sesetengah Data Peribadi adalah perlu untuk kami melaksanakan operasi perniagaan dan mematuhi keperluan undang-undang serta peraturan. Jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi yang diperlukan, ia mungkin:

- a) Menghalang kami daripada memproses permohonan pekerjaan, pendaftaran vendor, atau permintaan berkaitan urusan perniagaan yang lain;
- b) Menjejaskan keupayaan kami untuk memenuhi kewajipan kontrak atau undang-undang, atau menyediakan perkhidmatan kepada anda;
- c) Mengehadkan akses anda ke premis, kemudahan, tapak projek atau perkhidmatan kami kerana keperluan keselamatan atau pematuhan undang-undang.

7. Pendedahan Data Peribadi Anda

Kami mengendalikan Data Peribadi anda dengan penuh kerahsiaan dan komited untuk melindunginya selaras dengan Akta. Data Peribadi anda hanya akan dikongsi berdasarkan prinsip “perlu tahu” dan apabila perlu untuk tujuan yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak-pihak berikut:

- a) **Pihak Berkuasa Kerajaan dan Pengawal Selia** – seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), atau agensi penguatkuasaan lain sebagaimana diwajibkan oleh undang-undang.
- b) **Penyedia Perkhidmatan dan Kontraktor yang dilantik** – termasuk vendor IT, penyedia perkhidmatan Sumber Manusia (HR), syarikat insurans, klinik panel, penyedia latihan, juruaudit, atau perunding yang bertindak bagi pihak kami di bawah kewajipan kontrak.
- c) **Rakan Kongsi Perniagaan dan Pelanggan** – berhubung usaha sama, projek kolaboratif, atau hasil kontrak (tertakluk kepada perjanjian kerahsiaan atau pemprosesan data).
- d) **Penasihat Undang-undang dan Profesional** – termasuk firma guaman, perunding risiko, serta juruaudit luar yang dilantik untuk membantu siasatan, penyelesaian pertikaian, atau semakan pematuhan.
- e) **Bank dan Institusi Kewangan** – bagi tujuan gaji, pemprosesan tuntutan, dan transaksi pembayaran.
- f) **Jabatan Dalaman atau Anak Syarikat dalam Kumpulan LUNAS** – semata-mata untuk tujuan operasi, pentadbiran dan pematuhan yang selaras dengan tujuan asal pengumpulan.
- g) **Pasukan Kecemasan atau Penyedia Perkhidmatan Kesihatan** – apabila perlu untuk melindungi nyawa, kesihatan atau keselamatan.
- h) **Pihak Ketiga dengan Persetujuan Anda Secara Nyata** – apabila anda dimaklumkan dan bersetuju dengan pendedahan tersebut.

8. Perlindungan & Keselamatan Data

Data Peribadi anda dilindungi dengan kawalan teknikal, fizikal, dan pentadbiran yang sewajarnya untuk mengelakkan capaian tanpa kebenaran, kehilangan, penyalahgunaan, pengubahan, atau pemusnahan. Akses kepada Data Peribadi adalah terhad kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja bagi tujuan yang sah.

9. Penyimpanan Data

- a) LUNAS akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpul atau sebagaimana dikehendaki/ dibenarkan oleh undang-undang.

Setelah Data Peribadi tidak lagi diperlukan, ia akan dilupuskan, dipadam atau dianonimkan dengan selamat mengikut dasar penyimpanan dan pelupusan data dalaman kami.

- b) Tempoh penyimpanan mungkin berbeza bergantung kepada jenis Data Peribadi dan tujuan pengumpulannya, termasuk keperluan undang-undang, pengawalseliaan, operasi atau audit.

10. Pemindahan Data Merentas Sempadan

- a) Dalam operasi kami, mungkin perlu untuk LUNAS memindahkan Data Peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia, termasuk kepada anak syarikat, sekutu, pembekal, kontraktor, penyedia perkhidmatan atau rakan perniagaan yang beroperasi di bidang kuasa lain. Pemindahan hanya akan dilakukan jika perlu bagi pelaksanaan kontrak, penyediaan perkhidmatan, atau sebagaimana diwajibkan oleh undang-undang.
- b) Apabila Data Peribadi anda dipindahkan ke luar Malaysia, LUNAS akan memastikan langkah perlindungan yang sewajarnya dilaksanakan bagi melindungi Data Peribadi anda selaras dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi ini serta Akta. Ini termasuk memastikan bahawa pihak penerima menyediakan tahap perlindungan Data Peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan piawaian perlindungan yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia.

11. Hak Anda

- a) Sebagai Subjek Data, anda mempunyai hak berikut di bawah Akta:
 - **Hak Akses:** anda boleh memohon akses kepada Data Peribadi anda yang dipegang oleh LUNAS untuk memahami bagaimana ia diproses dan digunakan.
 - **Hak Pembetulan:** anda boleh memohon pembetulan atau pengemaskinian terhadap Data Peribadi yang tidak tepat, tidak dekemaskini, tidak lengkap atau mengelirukan.
 - **Hak Menarik Balik Persetujuan:** anda boleh menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan Data Peribadi anda. Namun demikian, ini mungkin menjejaskan kemampuan kami menyediakan perkhidmatan tertentu atau memenuhi kewajipan kontrak, tertakluk kepada kekangan undang-undang atau operasi.
 - **Hak Mengehadkan Pemprosesan:** Anda boleh meminta untuk menghadkan atau menyekat cara Data Peribadi anda digunakan, khususnya bagi tujuan tidak penting seperti pemasaran langsung.
 - **Hak Kebolehpindahan Data:** Jika secara teknikal boleh dilaksanakan dan berkenaan, anda boleh memohon untuk menerima Data Peribadi anda dalam format berstruktur, lazim digunakan dan boleh dibaca oleh mesin. Anda juga boleh memohon agar kami memindahkan data anda terus kepada Pengawal Data lain, tertakluk kepada pengesahan dan keperluan undang-undang.

- b) Untuk melaksanakan hak-hak ini, sila hubungi:

Pegawai Perlindungan Data

PEJABAT KORPORAT LUNAS

33-1, Level 33, MOF Inc Tower, 9 Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur

Email: dpo@mylunas.com.my

12. Pemberitahuan & Laporan Pelanggaran Data

- a) LUNAS komited melindungi kerahsiaan, integriti dan keselamatan Data Peribadi. Jika berlaku pelanggaran Data Peribadi, **Pegawai Perlindungan Data** akan segera memulakan tindakan kawalan dan penyiasatan.
- b) Jika diwajibkan undang-undang, LUNAS akan memaklumkan:
- Pihak berkuasa pengawal selia yang berkenaan, dan
 - Individu yang terjejas tanpa kelewatan yang tidak wajar.
- c) Makluman tersebut akan merangkumi:
- Sifat dan skop pelanggaran.
 - Kategori serta anggaran bilangan individu dan rekod yang terjejas.
 - Langkah pembaikan yang diambil atau dirancang untuk mengekang pelanggaran serta mengurangkan risiko.
 - Tindakan yang disyorkan kepada individu yang terjejas, jika berkenaan.
- d) Semua insiden pelanggaran diselia dan diselaraskan oleh Pegawai Perlindungan Data, yang akan memastikan komunikasi tepat pada masanya dan pematuhan terhadap kewajipan pelaporan.

13. Kemas Kini Notis Perlindungan Data Peribadi

Kami mungkin menyemak semula atau mengemas kini notis ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dalam amalan dan dasar kami, keperluan undang-undang atau keperluan operasi. Versi terkini akan tersedia di laman web kami atau atas permintaan.

14. Bahasa

Dasar ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan di antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.